

NO SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

NO. SOALAN : 45

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab tiada tindakan oleh SPRM sehingga kini terhadap Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang dilaporkan menjual tanah awam yang diambilalih daripada orang awam untuk tujuan perumahan PERDA di Seberang Perai Selatan di bawah harga pasaran sehingga kerugian RM15.2 juta untuk dibina rumah kedai yang tidak dipersetujui oleh anak syarikat PERDA seperti PERDA Ventures Sdn. Bhd.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Bagan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menyelesaikan tindakan siasatannya. Kes ini

sedang dalam penelitian Pengarah Siasatan sebelum dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk keputusan samada tindakan pendakwaan akan dibuat atau tidak.

Sekian, terima kasih.